



TINGKATAN

5



Modul 5

KEMASAN

Setiap kemasan ruang sama ada ruang tamu, bilik tidur, dapur maupun bilik air memiliki kemasan yang berbeza. Tidak semua kemasan boleh disuaikan di ruang tersebut. Contohnya, kemasan dinding bercat bercat kurang sesuai digunakan pada dinding tandas atau bilik air.

Dalam modul ini murid akan mempelajari jenis-jenis kemasan seperti kemasan lantai, dinding dan siling serta menjalankan latihan amali cara pemasangan kemasan dan dapat menguasainya dengan baik.



Standard Kandungan

5.0 Kemasan

- 5.1 Jenis dan Fungsi Kemasan
- 5.2 Konsep dan Penggunaan Warna

KATA KUNCI


- Kemasan
- Sintetik
- Siling
- Karpet
- Jubin
- Gypsum board

OBJKTIF PEMBELAJARAN

1. Menyatakan maksud kemasan serta kepentingan konsep dan penggunaan warna dalam kemasan ruang dalaman.
2. Menerangkan jenis kemasan, faktor pemilihan konsep dan warna mengikut fungsi ruang dalaman.
3. Mengelaskan jenis kemasan mengikut fungsi ruang dalam bidang hiasan dalaman.
4. Menganalisis jenis, fungsi dan warna kemasan berdasarkan konsep ruang dalaman dengan bersistematik.
5. Menilai pemilihan kemasan, warna dan konsep ruang dalaman mengikut prosedur yang bersistematik dan sentiasa bersikap positif.
6. Menghasilkan kemasan dinding ruang dalaman berdasarkan situasi secara kreatif, bersistematik dan boleh diteladani.

5.1**JENIS DAN FUNGSI KEMASAN****5.I.1 Definisi Kemasan**

Kemasan merupakan kerja akhir dalam proses pembinaan bangunan bagi meningkatkan nilai dan estetika sesebuah ruang atau bangunan tersebut. Selain itu, kemasan juga menggambarkan status bangunan atau ruang berkenaan.



Gambar foto 5.1
Contoh gambar kemasan ruang dalaman


Standard Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- 5.I.1 Menyatakan maksud kemasan.
- 5.I.2 Menjelaskan jenis kemasan mengikut fungsi ruang dalaman:
 - (i) Kemasan lantai
 - (ii) Kemasan dinding
 - (iii) Kemasan siling
- 5.I.3 Menerangkan faktor pemilihan jenis kemasan.
- 5.I.4 Mengaplikasi jenis kemasan mengikut fungsi ruang dalaman.
- 5.I.5 Menganalisis jenis dan fungsi kemasan ruang dalaman berdasarkan situasi.
- 5.I.6 Memilih idea kemasan ruang dalaman berdasarkan situasi.
- 5.I.7 Melakar idea kemasan ruang dalaman berdasarkan keperluan situasi.
- 5.I.8 Mempersembahkan lakaran idea kemasan ruang dalaman.

5.I.2 Jenis-jenis Kemasan Mengikut Fungsi Ruang Dalaman

Kemasan terbahagi kepada tiga kategori, iaitu:

Kemasan lantai**Kemasan dinding****Kemasan siling**

Rajah 5.1 Jenis-jenis kemasan



1. Kemasan Lantai

Lantai merupakan kemasan bagi meningkatkan fungsi dan estetika sesebuah struktur bangunan sama ada rumah kediaman mahupun bangunan komersial.

Fungsi kemasan lantai

- Mencantikkan lantai.
- Memberi perlindungan kepada perubahan cuaca.
- Kebersihan dan keselamatan di dalam ruang.

Jenis kemasan lantai



Lepa Simen




Karpet




Jubin Seramik



Mozek



Parket



Terazzo



Jalur kayu



Marmor

Gambar foto 5.2 Jenis kemasan lantai

2. Kemasan Dinding


Kemasan dinding merupakan subjek utama dalam sesuatu dekorasi ruang. Ia boleh menaikkan seri dinding dengan konsep atau tema yang dipilih serta memberikan perlindungan kepada perubahan cuaca.



Fungsi kemasan dinding

- Selamat, selesa, tahan lasak, mudah dibersihkan, dijaga serta dibaiki, darjah ketahanan tinggi terhadap kebakaran dan kesesuaian dari segi nilai akustik.
- Estetika - Keindahan dari segi warna dan keadaan semula jadi sesuatu kawasan, tekstur sesuatu bahan yang memberikan kesan visual dan rekaan corak.

Kemasan Keras






Kemasan Lembut



Gambar foto 5.3

Pemilihan kertas dinding merupakan alternatif lain selain penggunaan cat



AKTIVITI PAK-21

- Bahagikan kepada beberapa kumpulan.
- Setiap kumpulan akan mendapat satu sampul yang mana di dalamnya terdapat foto yang berkaitan dengan ruang kediaman.
- Setiap ahli kumpulan perlu mengenal pasti jenis kemasan yang sesuai pada ruang kediaman tersebut.
- Tampal foto tersebut pada kad manila kemudian tulis idea secara bergilir-gilir pada kad manila tersebut.
- Kemudian bentangkan hasil dapatkan kumpulan masing-masing di dalam kelas.



3. Kemasan Siling

Kemasan siling ialah lapisan kedua selepas bumbung yang mempunyai beberapa fungsi, iaitu berupaya menahan kemasukan air ke dalam rumah, menyekat haba panas yang berlebihan serta membantu mengurangkan kemasukan bunyi yang berlebihan.

Fungsi kemasan siling

- Menyekat haba panas yang berlebihan.
- Mengurangkan kemasukan bunyi yang berlebihan.
- Warna dan corak dapat meningkatkan nilai estetika.

Jenis Kemasan Siling

Terdapat empat jenis kemasan siling, iaitu:

- Siling papan berjalur
- Siling lepa (*Plaster ceiling*)
- Siling *fiber*
- Siling *UAC Superflex*



Siling papan berjalur



Siling *fiber*



Siling lepa



Siling *UAC Superflex*



Gambar foto 5.4 Jenis kemasan siling



5.I.3 Faktor-faktor Pemilihan Jenis Kemasan


Warna



Rajah 5.2 Faktor pemilihan jenis kemasan

5.1.4 Jenis Kemasan Mengikut Fungsi Ruang Dalaman Berdasarkan Situasi

1

Ruang tamu

2


Ruang makan



3

Bilik tidur

4

Dapur

5

Bilik air

5.1.5 Jenis dan Fungsi Kemasan Ruang Dalaman Berdasarkan Situasi

BILIK AIR


Kemasan Mozek

- Mudah dibersihkan dan penyenggaraan.
- Terdapat pelbagai warna dan saiz.
- Tahan lasak dan tidak licin.

RUANG DAPUR


Kemasan Lantai Jubin

- Tahan lasak.
- Lantainya tidak mudah tercalar dan mudah dibersihkan.
- Terdapat pelbagai warna, tekstur dan saiz.



PELAN SUSUN ATUR
skala 1:50

Rajah 5.3 Pelan susun atur



BILIK TIDUR

Kemasan Karpet Jubin

- Menebat bunyi.
 - Pelbagai saiz, warna dan corak.
 - Mudah dibersihkan.

RUANG TAMU

Kemasan Kayu Jalur

- Mudah dipasang.
 - Estetik.
 - Penebat bunyi dan haba.

5.I.6 Memilih Idea Kemasan Ruang Dalaman Berdasarkan Situasi

Reka Bentuk Ruang Dalaman Kediaman

Menerangkan proses mereka bentuk ruang kediaman. Mengenal pasti ruang yang terdapat di dalam rumah kediaman.



Kajian Ilmiah



Lukisan Persembahan






5.1.7 Melakar Idea Kemasan Ruang Dalaman Berdasarkan Keperluan Situasi


Idea Bagi Kemasan Lantai Kediaman

Penyusunan perabot dan pemilihan kemasan lantai mengikut kesesuaian ruang tersebut.




Idea Bagi Kemasan Dinding Kediaman

Pemilihan kemasan dinding bagi ruang kediaman.




5.1.8 Mempersembahkan Lakaran Idea Kemasan Ruang Dalaman

Lukisan Pelan Lantai yang telah Dilengkapi dengan Kemasan Lantai




Penghasilan Papan
Persempahan






FUNGSI KEMASAN



LATIHAN PENGUKUHAN


BAHAGIAN A

1. Apakah nama bagi kemasan lantai pada gambar rajah di bawah?



- A Jubin
- B Parket
- C Terrazzo
- D Jalur kayu

2. Apakah nama bagi kemasan siling pada gambar rajah di bawah?



- A Siling lepa
- B Siling papan berjalur
- C Siling *fiber composite*
- D Siling gantung

3. Apakah nama bagi kemasan dinding pada gambar rajah di bawah?



- A Cat air
- B Panel fabrik
- C Kertas dinding
- D Papan gipsum

BAHAGIAN B

1. Nyatakan definisi bagi kemasan berikut:

- i Kemasan lantai _____
- ii Kemasan dinding _____
- iii Kemasan siling _____

2. Senaraikan tujuh jenis kemasan lantai bagi sesebuah bangunan.
-

3. Kemasan dinding terbahagi kepada dua. Nyatakan.
-

4. Nyatakan jenis kemasan siling yang terdapat di dalam sesebuah bangunan.
-

5. Senaraikan tiga fungsi bagi setiap kemasan berikut:

- i Kemasan lantai _____
- ii Kemasan dinding _____
- iii Kemasan siling _____

6. Nyatakan faktor-faktor pemilihan jenis kemasan.
-

7. Lengkapkan jadual yang diberikan mengikut kemasan yang bersesuaian.

Ruang	Jenis Kemasan		
	Lantai	Dinding	Siling
Ruang tamu			
Ruang makan			
Ruang tidur			
Ruang keluarga			
Ruang mandi			

5.2**KONSEP DAN PENGGUNAAN WARNA****Konsep**

Sesuatu gagasan, tanggapan atau pendapat yang terbentuk di dalam fikiran mengenai sesuatu idea.

Roda warna

Roda warna merupakan panduan yang digunakan untuk membantu menjelaskan perhubungan antara warna primer, warna sekunder dan warna tertiar.

**Standard Pembelajaran**

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- 5.2.1 Menyatakan kepentingan konsep dan penggunaan warna dalam kemasan ruang dalaman.
- 5.2.2 Menerangkan faktor pemilihan konsep dan penggunaan warna dalam kemasan ruang dalaman.
- 5.2.3 Mengaplikasi skema warna yang sesuai berdasarkan kemasan ruang.
- 5.2.4 Mengkategorikan konsep kemasan ruang dalaman dan pemilihan skema warna berdasarkan situasi.
- 5.2.5 Membuat justifikasi pemilihan konsep ruang dalaman berdasarkan situasi.
- 5.2.6 Memilih warna dan konsep kemasan ruang dalaman.
- 5.2.7 Menghasilkan kemasan dinding jenis cat dan kertas binaan pada ruang dalaman yang menepati pemilihan konsep dan warna berdasarkan situasi.

5.2.1 Kepentingan Konsep dan Penggunaan Warna Dalam Kemasan Ruang Dalaman

Konsep dan penggunaan warna dalam kemasan ruang merupakan faktor utama. Dari sudut psikologi, warna dapat memberikan impak kepada emosi atau perasaan penghuni.

Malah, ia juga membantu menonjolkan lagi aura positif atau karakter istimewa dalam diri seseorang individu. Sekiranya salah dari segi pemilihan warna, kemungkinan ia dapat mempengaruhi emosi atau perasaan penghuni di dalam ruang tersebut.



5.2.2**Faktor Pemilihan Konsep dan Penggunaan Warna Dalam Kemasan Ruang Dalaman**

Warna ialah media yang mempunyai impak besar dalam sesebuah ruang. Ia bukan sahaja dapat mengubah suasana mengikut cita rasa pemilik, malah dapat membuatkan sesebuah ruang menjadi lebih lapang, sempit serta dapat meningkatkan nilai estetika.





5.2.3 Skema Warna yang Sesuai Berdasarkan Kemasan Ruang

Gambar di bawah merupakan contoh penggunaan skema warna yang disesuaikan dengan kategori ruang dalaman dan kemasan yang digunakan.




1 Ruang Tamu

- Tempat untuk berehat, mengisi masa lapang, membaca, melayan tetamu.

2 Ruang Makan

- Ruang untuk menikmati hidangan atau juadah.



3 Ruang Tidur

- Tempat berehat, menyimpan pakaian dan aksesori.

4 Bilik Air

- Ruang mandi, membuang air, membasuh dan sebagainya.



5 Ruang dapur

- Tempat untuk menyediakan bahan memasak, memasak dan menghidang makanan.



5.2.4 Konsep Kemasan dan Pemilihan Skema Warna Mengikut Kategori Ruang Dalaman

Pemilihan skema warna perlu disesuaikan mengikut kategori ruang dalaman serta kemasan yang digunakan. Skema warna tersebut seperti yang berikut:




Warna sejuk



Warna panas



Warna neutral





5.2.5 Justifikasi Pemilihan Konsep Ruang Dalaman Berdasarkan Situasi

Pemilihan konsep merupakan salah satu perkara yang perlu diberikan perhatian sebelum memulakan mana-mana proses pengubahsuaian.

Pemahaman yang mendalam tentang konsep akan memudahkan seseorang membuat pemilihan dan memahami kehendak matlamat dalam mereka bentuk ruang dalaman. Terdapat beberapa konsep di dalam ruang dalaman yang bersesuaian dengan kemasan yang dipilih.

INFO


Apa itu konsep dan gaya?

- Konsep merujuk kepada gaya Moden, gaya Tradisional, gaya Minimalis dan lain-lain.
- Konsep juga merupakan gambaran awal bagaimana reka bentuk ruang dalaman itu akan berfungsi dari segi penggunaan warna pada dinding, pencahayaan dan kemasan.
- Gaya pula merujuk kepada penggunaan perabot, hiasan atau seni bina mengikut era tertentu.



a. Konsep Moden

Modenisme ialah satu pergerakan artistik budaya yang muncul pada awal abad ke-20 yang menumpukan kepada bentuk ringkas dan praktikal. Konsep Moden ini juga menekankan garisan yang minimal, warna-warna yang neutral dan keseimbangan.



b. Konsep Moden Kontemporari

Konsep Moden Kontemporari mencerminkan reka bentuk dalaman yang popular pada masa kini. Kemasan yang digunakan adalah seperti kaca, keluli, plastik dan kayu yang dikombinasikan dengan cara yang terbaik. Setiap elemen seperti perabot, kemasan dan aksesori mempunyai bentuk yang ringkas dan mengikut peredaran masa. Warna yang digunakan bersesuaian dengan konsep Moden Kontemporari seperti warna harmoni atau kontras. Elemen reka bentuk juga lebih kepada ringkas, bergaya dan praktikal.





c. Konsep Nusantara

Konsep Nusantara ini bercirikan seni bina tempatan, setempat atau tradisional, dan ia juga mementingkan penggunaan elemen-elemen warisan tempatan. Kebanyakan seni bina mahupun perabot atau hiasan berkonseptan Nusantara yang dihasilkan terdiri daripada tanah liat, kayu dan rotan.





d. Konsep Inggeris

Konsep Inggeris sering kali menjadi pilihan bagi sesebuah rumah. Pemilihan warna *pastel* yang lembut seperti merah dan putih yang mendamaikan, perhiasan bingkai gambar, rak, jam antik dan barang perhiasan seperti pinggan dan cawan yang bermotifkan bunga-bungaan menampakkan lagi identiti bagi konsep Inggeris.



Elemen utama dalam konsep ini ialah dinding bercorak atau bermotifkan bunga-bungaan.






MODUL 5

e. Konsep Minimalis

Konsep ini diilhamkan oleh De Stijl dan Bauhaus pada tahun 1920-an. Konsep ini memberikan penekanan terhadap ruang yang luas, lapang dan sederhana. Sederhana ini bermaksud, sederhana dari segi penggunaan warna, reka bentuk ruang dalaman, tekstur, perabot dan tidak sarat dengan aksesori.



5.2.6 Warna dan Konsep Kemasan Ruang Dalaman



BIRU

Warna ini paling sesuai digunakan di dalam:

- Bilik tidur
- Bilik mandi


Biru *pastel* cantik apabila dipadankan dengan warna panas agar ruang tidak kelihatan terlalu sejuk.

Memilih warna yang tenang seperti biru sebagai warna bilik tidur dapat menenangkan serta membantu seseorang tidur lena. Oleh itu, warna biru juga sesuai untuk ruang kerja atau pejabat.





MERAH

Warna yang sering dikaitkan dengan semangat. Warna ini menimbulkan kesan elegan dan mewah terhadap sebuah ruang.




KUNING

Warna kuning memberikan perasaan gembira. Di dalam ruang yang kecil, penggunaan warna kuning dapat memberikan kesan pencahayaan yang baik di samping memberikan kesan kepada keluasan ruang.



UNGU

Merupakan warna yang sejuk dalam spektra warna, ia dapat menimbulkan kesan dramatik, romantik dan sofistikated di dalam ruang.



HIJAU



Dikaitkan dengan warna alam semula jadi, kedamaian dan keselesaan di dalam sesebuah ruang.




JINGGA




Warna bersifat aktif yang menggambarkan sebagai pergerakan dan pergolakan perasaan. Jika digunakan dalam kuantiti kecil sebagai warna tambahan, ia dapat membantu menghidupkan dekorasi ruang yang cukup bergaya atau *trendy*.

Warna yang termasuk dalam kategori ini ialah *terracota*, *sayur labu* dan *burnt sienna* (warna tanah liat yang telah dibakar).



KELABU

Kombinasi warna hitam dan putih. Pemilihan warna ini menimbulkan suasana yang elegan dan tersendiri.



HITAM

Warna hitam ialah warna yang elegan dan apabila dikombinasikan akan menyerlahkan hasil yang menarik kepada sesuatu ruang. Skema warna ini memerlukan banyak elemen pencahayaan untuk menyerlahkan hiasan dan warna ruang.





PUTIH

Warna putih memberikan kesan kebebasan dan keterbukaan. Penggunaan warna putih pada ruang kecil dapat membantu ruang tersebut kelihatan luas.

Gambar foto 5.5 Dekorasi latar putih tidak mengehadkan kreativiti pada ruang





5.2.7 Cara Menghasilkan Kemasan Dinding Jenis Cat dan Kertas Binaan pada Ruang Dalaman yang Menepati Pemilihan Konsep dan Warna Berdasarkan Situasi

Tujuan

- Menjelaskan langkah dalam proses menghasilkan kemasan dinding jenis cat dan kertas dinding pada ruang dalaman yang menepati pemilihan konsep dan warna.
- Membuat kajian mengenai kesan warna cat dan kertas dinding dalam sesebuah ruang dan teknik yang digunakan.
 - Penentuan tema
 - Penentuan ruang
 - Kajian ilmiah:
 - Warna
 - Bahan kemasan



Peralatan

Meja berlipat, baldi, pelekat, pensel, pita pengukur, gunting, sudip pengikis (*metal scrapper*), berus, gam perekat, perata (*plastic scrapper*), pisau dan penggelek khas.

Langkah kerja

- Kenal pasti ruang yang perlu ditampal dan jenis kertas dinding.
- Sediakan bahan dan peralatan yang digunakan.
- Pastikan permukaan pada dinding dalam keadaan yang rata dan licin.
- Dinding yang kadar kelembapannya tinggi atau berdekatan bilik air, perlu disapu dengan *wall sealler* bagi mengelak ia rosak atau mudah terbuka.
- Ukur ketinggian dan lebar dinding, kemudian buat garisan menggunakan pembaris.
- Potong kertas dinding mengikut saiz ketinggian dinding dan cantuman bunga atau corak.
Kertas dinding perlu dipotong lebih sedikit dari saiz dinding.
- Selepas dipotong, di belakang kertas perlu ditanda mengikut potongan kertas dinding yang pertama hingga terakhir bagi mengelakkan kekeliruan atau tertukar kedudukan kertas dinding yang dipotong.






8. Sapu gam perekat dengan menggunakan berus dan tampal mengikut garisan yang telah ditanda tadi.



9. Kertas dinding perlu diratakan menggunakan perata (*plastic scrapper*). Ini bagi menolak keluar lebihan angin ketika menampal kertas dinding itu. Kerja ini perlu dilakukan dengan teliti bagi mengelakkan kertas dinding tersiat atau terkoyak.



10. Potong lebihan kertas dinding di bahagian atas dan di bawah.



11. Setelah proses menampal kertas dinding siap, gunakan penggelek khas dan kain bersih untuk memastikan permukaan kertas dinding melekat dan kering.



PEMILIHAN GAYA DAN SKEMA WARNA

Skema warna

Warna dan gaya ruang dalaman

Konsep dalam reka bentuk dalaman

- Warna nuetral (Hitam dan putih).
- Warna sejuk (Coklat, ungu, hijau dan biru).
- Warna panas (Merah jambu, kuning, merah, oren dan kuning air).

- Fungsi setiap ruang dalaman.
- Kemasan yang sesuai dan menarik.
- Pemilihan skim warna yang sepadan dengan warna ruang serta perabot.
- Perabot dan bahan hiasan yang tahan lasak.
- Saiz ruang dan susun atur yang bersesuaian dengan konsep.
- Kos dan keselamatan.

- Konsep Nusantara.
- Konsep Inggeris.
- Konsep Moden Kontemporari.
- Konsep Moden.
- Konsep Minimalis.

LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A


1. Antara yang berikut, warna apakah yang tergolong dalam warna neutral?
 - A Merah
 - B Kelabu
 - C Putih
 - D Hitam

2. Roda warna terdiri daripada warna ____.
 - A asas
 - B sejuk
 - C hangat
 - D sekundar

3. Konsep yang diilhamkan oleh De Stijl dan Bauhaus memberi penekanan kepada ruang yang luas, lapang dan sederhana.

Penyataan di atas merujuk kepada konsep _____.

- A Moden
 - B Minimalis
 - C Nusantara
 - D Inggeris
4. Gambar rajah di bawah yang manakah yang menggambarkan konsep Nusantara?



5. Warna _____ memberikan kesan dramatik, kaya dan sofistikated.
 - A ungu
 - B hitam
 - C merah
 - D hijau

BAHAGIAN B

1. Nyatakan tiga faktor utama menilai dan memilih gaya mengikut kemasan.

- i _____
- ii _____
- iii _____

2. Berikan definisi bagi konsep di bawah.

a Konsep Moden

b Konsep Moden Kontemporari

c Konsep Nusantara

d Konsep Minimalis

e Konsep Inggeris

3. Senaraikan faktor yang mempengaruhi pemilihan gaya dan warna?



TUGASAN

Murid dikehendaki menghasilkan salah satu kemasan dinding jenis cat atau kertas dinding pada ruang dalaman yang menepati pemilihan konsep Moden, Moden Kontemporari, Minimalis, Nusantara atau Inggeris.





BORANG PENILAIAN KOMPETENSI

Nama Murid : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Nama Sekolah : _____
 Tingkatan : _____ Angka Giliran: _____
 No. Modul : **MODUL 5**
 Tajuk : **KEMASAN**

Bil.	Pencapaian Kompetensi	Pertama		Ulangan		Catatan
		Kompeten	Tidak Kompeten	Kompeten	Tidak Kompeten	
1.	Menyatakan maksud kemasan serta kepentingan konsep dan penggunaan warna dalam kemasan ruang dalaman.					
2.	Menerangkan jenis kemasan, faktor pemilihan konsep dan warna mengikut fungsi ruang dalaman.					
3.	Mengelaskan jenis kemasan mengikut fungsi ruang dalam bidang hiasan dalaman.					
4.	Menganalisis jenis, fungsi dan warna kemasan berdasarkan konsep ruang dalaman dengan bersistematik.					
5.	Menilai pemilihan kemasan, warna dan konsep ruang dalaman mengikut prosedur yang bersistematik dan sentiasa bersikap positif.					
6.	Menghasilkan kemasan dinding ruang dalaman berdasarkan situasi secara kreatif, bersistematik dan boleh diteladani.					

Keputusan Penilaian	Kompeten	Tidak Kompeten

Nama Guru		Tandatangan		Tarikh	
Nama Murid		Tandatangan		Tarikh	